

Keseluruhan kawasan Jalan Masjid India masih selamat: Datuk Bandar



KUALALUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi jaminan keseluruhan kawasan di Jalan Masjid India di sini selamat untuk dikunjungi dan tiada gerai atau bangunan yang diarahkan untuk menutup

LAWATAN: Maimunah (dua kanan) melawat reruai jualan Festival Amboi@TRX 2024 di Raintree Plaza TRX, Kuala Lumpur semalam.

— Gambar Bernama

operasi.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, ketika ini kawasan yang ditutup dengan penghadang hanya melibatkan laluan sepanjang kira-kira 200 meter dari Wisma Yakin ke pondok polis bagi memberi laluan kepada kerja pemulihan dan pembinaan di lokasi insiden tanah jerlus.

“Sepanjang kejadian itu kita tiada (arahan) menutup mana-mana gerai, cuma

menutup sebahagian kawasan itu sahaja. Orang ramai masih boleh datang berkunjung mengikut laluan pejalan kaki.

“Kita juga telah berjumpa dengan persatuan peniaga di kawasan Jalan Masjid India semalam (kelmarin) dan memberi pengesahan kawasan sekitar itu selamat, cuma dilarang menghampiri kawasan yang ditutup dengan penghadang sahaja,” katanya kepada Bernama selepas hadir merasmikan

festival Amboi di TRX, semalam.

Pada 23 Ogos lalu, seorang wanita, G Vijaya Lakshmi, 48, dari Kup-pam, Andhra, India hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter akibat tanah jerlus di Jalan Masjid India. Selepas sembilan hari, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) wanita itu dihentikan tanpa sebarang penemuan.

Kelmarin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Nga

Kor Ming dilaporkan berkata insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India merupakan kes terpicil dan tidak seharusnya menggambarkan negara ini, khususnya Kuala Lumpur tidak selamat didiami.

Nga berkata, struktur bangunan didirikan di negara ini adalah selamat mengikut standard yang tinggi dan pemetaan utiliti bawah tanah mengikut koridor utiliti negeri turut dijalankan sepanjang masa secara berfasa. — Bernama